

SET 6

Soalan 1 – 7

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang **paling sesuai**.

1 Zamani diminta oleh bapanya mencantas _____ kelapa yang sudah kekuningan di kebun mereka pada petang itu.

- | | |
|----------|-----------|
| A daun | B pokok |
| C batang | D pelepas |

2 Surat Pekeliling itu telah ditampalkan _____ papan kenyataan.

- | | |
|--------|----------|
| A di | B atas |
| C pada | D kepada |

3 Pergerakan pelakon itu dalam adegan pergaduhan kelihatan _____ kerana dia pernah mempelajari seni pertahanan diri.

- | | |
|-----------|-----------|
| A lasak | B cekap |
| C tangkas | D kencang |

4 Cikgu Kharizah telah diamanahkan oleh pihak PIBG untuk _____ mata pelajaran Bahasa Melayu semasa cuti persekolahan kepada sekumpulan pelajar yang lemah.

- | | |
|---------------|-----------------|
| A mengajar | B mengajari |
| C mengajarkan | D menunjuk ajar |

Soalan 5 berdasarkan gambar di bawah.



5 Alang mengambil songkok hitamnya lalu _____ ke atas kepalanya.

- | | |
|----------------|----------------|
| A menyerkupkan | B menyerkapkan |
| C menyarungkan | D menyorongkan |

6 Sewaktu tergesa-gesa, menuju ke dapur kaki Nadirah _____ pada bendul pintu biliknya.

- | | |
|-------------|------------|
| A tersadung | B tersepak |
| C terpijak | D terselit |

7 Semua kakitangan di jabatan itu telah diingatkan oleh ketua mereka agar menjauhi perbuatan _____ yang akan mengakibatkan mereka disoal siasat oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah.

- | | |
|---------------|----------------|
| A gelap mata | B pisau cukur |
| C mata duitan | D tumbuk rusuk |

Soalan 8 – 14

Ayat-ayat yang berikut **mungkin betul** dan **mungkin salah**. Jika terdapat kesalahan, kesalahan itu telah ditandakan dengan **A**, **B**, atau **C** dan jika tiada kesalahan telah ditandakan dengan **D**. Pilih jawapan yang paling sesuai.

- 8 Sarimah betul-betul gembira dengan kepulangan anaknya yang telah lama berpisah.
A B C
Tiada kesalahan.
D
- 9 Aisyah masih rindukan kehidupannya di desa, walaupun telah lama berpindah ke kota.
A B C
Tiada kesalahan.
D
- 10 Intan meminta Yasmin membelikannya sutera batik yang dijual di pasar pagi Ahad di
Kampung Kota Lama. Tiada kesalahan
. D
- 11 Kuih-kuih ini mereka hantar ke kedai kopitiam berhampiran stesen bas sebelum pergi ke
sekolah. Tiada kesalahan.
A B C
D
- 12 Rumah Pak Ilman tidak laku apabila hendak dijual oleh sebab kedudukannya yang jauh
dari bandar dan reka bentuknya yang kurang menarik. Tiada kesalahan.
A B C D
- 13 Harap anak-anak sekalian jangan bermain di sini sebaliknya, sila bermain di kawasan
padang kerana kawasan ini berbahaya. Tiada kesalahan.
A B C D
- 14 Sultan Ammar Muhammin berkenan untuk mengurniakan tokoh pemimpin yang
berwibawa itu pingat darjah kebesaran sempena sambutan majlis keputeraan baginda
yang ke-63. Tiada kesalahan.
A B C D

Soalan 15 – 17

Pilih ayat-ayat yang menggunakan **kata berhuruf condong** dengan betul.

- 15 I Kelihatan Saifullah *mencolek* dinding dengan jari telunjuk kanannya.
II Perbuatan datuk *mencolek* tahi telinganya dengan rokok daun selalu ditegur emak.
III Penjenayah itu gagal *mencolek* anak kecil yang berjalan bersama-sama ibunya
setelah disedari oleh orang ramai.
IV Persembahan peserta pertandingan akhir Bintang Mencari Bintang itu *mencolek* hati.

A I dan II sahaja
C I, II, dan IV sahaja

B III dan IV sahaja
D II, III, dan IV sahaja

- 16** I Mulut adik *terkemut-kemut* ketika sedang menyusu.
II Pemuda itu berjalan *terkemut-kemut* kerana mabuk.
III Akram membuat kerja *terkemut-kemut* kerana kesakitan yang ditanggungnya.
IV Kerja *terkemut-kemut* itu dilakukannya hampir sepanjang usia.
- A** I, II, dan III sahaja **B** I , II dan IV sahaja
C I, III, dan IV sahaja **D** II, III, dan IV sahaja
- 17** I Setelah lebih sebulan terbaring sakit, kini barulah Pak Siham *cekap* berdiri tanpa bantuan isterinya.
II Dawiyah *cekap* mengharungi segala dugaan dan rintangan yang mendatang dalam hidupnya.
III Pergerakan tangan Ahmad yang *cekap* menyukarkan pihak lawan untuk menangkis serangannya.
IV Kamisan menyimpan dendam terhadap peniaga yang bersikap *cekap* darah itu.
- A** I dan II sahaja **B** I dan III sahaja
C II dan IV sahaja **D** III dan IV sahaja

Soalan 18 – 21

Bahagian yang bergaris dalam ayat-ayat yang berikut mungkin mempunyai kesalahan bahasa dan mungkin juga tidak.

Tandakan sama ada A, B atau C jika ayat itu mempunyai kesalahan dan tandakan D jika tiada kesalahan.

- 18** Pengacara majlis mempersilakan para peserta kursus masuk dewan sekarang kerana taklimat akan dimulakan.
- A** masukkan ke dalam dewan sekarang **B** masuk ke dalam dewan sekarang
C masuki dewan sekarang **D** masuk dewan sekarang
- 19** Masjid Sultan Ibrahim terletak di antara stesen bas dan taman perumahan.
- A** di antara stesen bas dengan taman perumahan
B antara stesen bas dengan taman perumahan
C antara stesen bas dan taman perumahan
D di antara stesen bas dan taman perumahan
- 20** Aminah dipersuamikan dengan pemuda pilihan ibunya.
- A** Aminah dipersuami oleh **B** Aminah dipersuamikan oleh
C Aminah dipersuamikan akan **D** Aminah dipersuamikan dengan
- 21** Nurul membeli setandan pisang masak untuk dibuat kerepek pisang bagi memenuhi permintaan pelanggannya sempena hari raya pada tahun ini.
- A** membeli setandan pisang mengkal
B membeli setandan pisang mongel
C membeli setandan pisang mekar
D membeli setandan pisang masak

Soalan 22 – 24

Pilih ayat yang mempunyai maksud yang sama atau maksud yang paling hampir dengan ayat yang dicetak tebal.

22 Para nelayan di kampung itu gigih menubuhkan koperasi bagi menghapuskan monopoli orang tengah yang sering menindas mereka selama ini.

- A** Monopoli orang tengah yang suka memerah hasil para nelayan dapat dihapuskan melalui koperasi.
- B** Koperasi nelayan itu ditubuhkan oleh orang tengah bagi membantu monopoli para nelayan yang sekian lama mengamalkan sikap cekik darah.
- C** Bagi menghapuskan monopoli orang tengah yang menindas mereka sejak sekian lama, para nelayan di kampung itu gigih menubuhkan koperasi.
- D** Selagi koperasi tidak ditubuhkan, para nelayan akan sentiasa ditindas oleh orang tengah yang tidak berhati perut.

23 “Jangan berbual-bual dan membuat kerja lain ketika saya mengajar,” kata Cikgu Jamal kepada murid-muridnya.

- A** Cikgu Jamal melarang murid-muridnya bercakap atau membuat kerja lain semasa dia sedang mengajar.
- B** Cikgu Jamal melarang murid-muridnya bercakap atau membuat kerja lain sewaktu saya sedang mengajar.
- C** Cikgu Jamal berkata kepada murid-muridnya jangan membuat kerja lain atau bercakap sewaktu cikgu sedang mengajar.
- D** Cikgu Jamal berkata kamu jangan bercakap atau melakukan kerja lain semasa dia sedang mengajar murid-muridnya.

24 Dia anak hartawan tetapi sikapnya yang peramah itu menyebabkan dia dihormati oleh rakan-rakannya.

- A** Sikapnya yang tidak sompong menyebabkan dihormati sebagai anak hartawan.
- B** Anak hartawan hendaklah bersikap peramah supaya dihormati oleh rakan-rakannya.
- C** Rakan-rakan anak hartawan itu berpendapat bahawa anak hartawan itu sangat peramah.
- D** Walaupun dia anak hartawan tetapi rakan-rakan menghormatinya kerana sikapnya yang peramah.

Soalan 25 – 27

Pilih ayat-ayat yang betul.

- 25**
- I Anak yatim yang kami jumpa semalam menceritakan semula peristiwa yang meragut nyawa kedua-dua orang tuanya.
 - II En. Jefridin bersetuju memperisterikan anaknya dengan jejaka idaman anak emasnya itu.
 - III Kerajaan akan terus memperkasakan industri pelancongan negara.
 - IV “Berapa umur adik kamu yang comel ini?” tanya jurujual sambil mencubit pipi adikku yang montel itu.

- A** I dan II sahaja
- C** III dan IV sahaja

- B** II dan III sahaja
- D** I, II, III, dan IV sahaja

- 26** I Emas yang mahal itu ayah tidak terbeli.
II Lututnya yang luka itu kena jahit semalam.
III Paip yang rosak itu telah dibaiki oleh kami.
IV Kotak yang berat itu tidak terangkat oleh adik.
- A** I dan II sahaja **B** II dan III sahaja
C II dan IV sahaja **D** III dan IV sahaja
- 27** I Habsah tidak gemar memasak makanan yang rencam kerana kesuntukan masa.
II Kanak-kanak itu dimarahi oleh gurunya kerana masih tidak pandai memakai kain sampin.
III Rosila meluru ke dalam bilik lalu menangis tersedu-sedu sambil memagut bantal gulingnya.
IV Setiap rakyat mempunyai tanggungjawab yang sama untuk membangunkan negara, baik secara bersendirian ataupun secara kolektif.
- A** I, II, dan III sahaja **B** I, II, dan IV sahaja
C I, III, dan IV sahaja **D** II, III, dan IV sahaja

Soalan 28 – 30

Pilih peribahasa atau maksud peribahasa yang paling sesuai.

- 28** Zanariah dan adiknya selalu bertengkar, namun mereka akhirnya akan berbaik semula. Keadaan ini samalah seperti...
- A** didengar ada dipakai tiada.
B biar mati anak jangan mati adat.
C jauhari yang mengenal manikam.
D carik-carik bulu ayam, lama-kelamaan bercantum juga.
- 29** Sejak ibu bapanya meninggal, hidup Kamarul melarat dan disisihkan oleh masyarakat sekelilingnya. Pilih peribahasa yang sesuai dengan nasib Kamarul.
- A** Bagai kerakap tumbuh di batu, hidup segan mati tidak mahu.
B Berat mata memandang berat lagi bahu memikul.
C Seperti embun di hujung rumput.
D Bagai layang-layang putus tali.
- 30** Walaupun pelbagai halangan dilalui oleh Hawa, namun dia tetap berusaha mengharunginya dan tidak berputus asa. Akhirnya dia berjaya mencapai cita-citanya.
Peribahasa-peribahasa di bawah membawa maksud yang sama seperti di atas **kecuali**
- A** genggam bara api biar jadi arang.
B sedikit-sedikit lama-lama jadi bukit.
C di mana ada kemahanan, di situ ada jalan.
D hendak seribu daya, tak hendak seribu dalih.

@@@@@ @@@ @@@ @@@ @@@ @@@ @@@ @@@ @@@ @@@ @@@ @@@ @@@ @@@ @@@ @@@ @@@ @@@ @@@

SET 7

Soalan 1 - 7

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang **paling sesuai**.

- 1 Pasukan Kadet Remaja Sekolah yang berbaris secara _____ dalam perhimpunan rasmi kokurikulum mendapat tepukan gemuruh.

A sekata B seragam
C serasi D seirama

Soalan 2 berdasarkan gambar di bawah.



- 2 Encik Halil membungkus lalu _____ barang-barang yang hendak dibawanya untuk mengembara.

A mengendong B menanggung
C mengandar D memikul

- 3 " _____ berkenan menerima datuk menghadap," kata pegawai istana itu kepada Datuk Temenggung.

A Patik B Tuanku
C Beta D Beliau

- 4 Rakyat Malaysia mesti bersatu padu _____ kesejahteraan negara.

A agar B bagi
C oleh D demi

- 5 Mak Bedah berjalan _____ selepas turun feri dari Langkawi akibat mabuk laut.

A tersenggok-senggok B tergopoh-gapah
C terhincut-hincut D terhuyung-hayang

Soalan 6 berdasarkan gambar di bawah.



6 Nenek yang _____ itu berjalan perlahan-lahan di belakang rumah.

- | | |
|-----------|-----------|
| A bengkok | B bongkok |
| C condong | D serong |

7 Hatinya tidak _____ sedikit pun apabila menerima hukuman itu.

- | | |
|-------------|------------|
| A bergoyang | B berkocak |
| C bergegar | D berasa |

Soalan 8 – 14

Ayat-ayat yang berikut mungkin betul dan mungkin salah. Jika terdapat kesalahan, kesalahan itu telah ditandakan dengan A, B atau C dan jika tiada kesalahan telah ditandakan dengan D.

Pilih jawapan yang paling sesuai.

8 Pelajar sekolah itu berlompatan kerana terlalu gembira di atas kemenangan pasukan
A B

bola sepak sekolah dalam pertandingan peringkat kebangsaan. Tiada kesalahan.
C D

9 Sultanah Zanariah akan berangkat untuk bercemar duli dalam majlis jamuan
A B C

diraja yang akan diadakan di sebuah hotel terkemuka. Tiada kesalahan.
D

10 Untuk sampai ke tapak perkhemahan, pasukan pengakap sekolah itu perlu

merentas hutan dengan memandu peta dan kompas. Tiada kesalahan.
A B C D

11 Golongan pelajar digalakkan menyertai berbagai kegiatan kokurikulum untuk
A B C
memupuk semangat bekerjasama. Tiada kesalahan.
D

12 Kenderaan-kenderaan di Jalan Langgar menyimpang ke tepi bila mendengar siren
A B C
ambulans. Tiada kesalahan.
D

13 Pasukan tentera telah menemukan dua orang peserta ekspedisi yang tersesat semasa
A
menjalani aktiviti mendaki gunung.Tiada kesalahan.
C D

14 Dave membuatkan kumpulannya replika bangunan untuk memperoleh markah
A
tertinggi dalam mata pelajaran Sejarah.Tiada kesalahan.
C D

Soalan 15 – 17

Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan berhuruf condong dengan betul.

- 15 I Peguam itu menyifatkan tuduhan itu sebagai tuduhan yang *lewat*.
II Musim menuai padi di daerah Pendang sudah *lewat*.
III Di tepi sungai itu duduk seorang lelaki yang sudah agak *lewat* usianya.
IV Aishah telah lama menunggu emaknya yang *lewat* pulang.

A I dan II sahaja B III dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja D II, III dan IV sahaja

- 16 I Dia meronta-ronta sekut tenaga tetapi tidak juga *lepas*.
II Mereka tidak *lepas* daripada menghadapi pancaroba kehidupan.
III *Lepas* makan tengah hari, bolehlah kita berjalan-jalan.
IV Keterangan yang telah diberikan itu tidak begitu *lepas*.

A I dan II sahaja B III dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja D II, III dan IV sahaja

- 17 I Adik *angin* bajunya yang basah itu.
II Ada *angin* yang dia akan datang ke mari.
III Perutnya kurang sedap kerana masuk *angin*.
IV Dia itu ada *angin*, kadang-kadang riang, kadang-kadang muram.

A I dan II sahaja B III dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja D II, III dan IV sahaja

Soalan 18 – 21

Bahagian yang **bergaris** dalam ayat-ayat yang berikut mungkin mengandungi kesalahan bahasa dan mungkin juga tidak.

Tandakan sama ada A, B atau C jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan D jika tiada kesalahan.

- 18 Antara aktiviti kokurikulum yang diminati Ai Lin, termasuklah sukan ragbi.

A Antara aktiviti kokurikulum yang Ai Lin minati
B Antara aktiviti-aktiviti kokurikulum yang Ai Lin minati
C Antara aktiviti-aktiviti kokurikulum yang diminati Ai Lin
D Antara aktiviti kokurikulum yang diminati Ai Lin

19 Dia menceburi diri dalam bidang perniagaan sejak tahun lepas.

A menceburkan diri dalam bidang
C mencebur bidang

B menceburi dalam bidang
D menceburi diri dalam bidang

20 Kami telah berjalan lebih dari dua setengah kilometer.

A dari dua kilometer setengah.
C daripada dua setengah kilometer.

B daripada dua kilometer setengah.
D dari dua setengah kilometer.

21 Semua gula-gula yang dibeli oleh saya sudah saya berikan kepada adik.

A Gula-gula yang saya belikan
C Semua gula-gula yang saya beli

B Gula-gula yang dibeli oleh saya
D Semua gula-gula yang dibeli oleh saya

Soalan 22 – 24

Pilih ayat yang mempunyai maksud yang sama atau maksud yang paling hampir dengan ayat yang dicetak tebal.

22 "Kalau awak ada masa lapang petang ini, datanglah ke rumah saya di Tama Satria," kata Aiman kepada Hafiz.

A Aiman mengajak Hafiz datang ke rumahnya di Taman Satria pada petang ini kalau Aiman ada masa lapang.

B Aiman berkata kepada Hafiz bahawa sekiranya awak ada masa lapang, datanglah ke rumahnya di Taman Satria.

C Hafiz dipelawa oleh Aiman supaya datang ke rumahnya di Taman Satria pada petang itu jika dia ada masa lapang.

D Hafiz memberitahu Aiman bahawa dia akan datang ke rumahnya di Taman Satria pada petang ini jika dia kelapangan.

23 **Walaupun sudah sebulan tinggal di asrama, Ainun masih belum dapat menyesuaikan diri dengan persekitaran yang serba baru itu.**

A Penyesuaian diri di asrama belum berlaku kepada Ainun walaupun dia sudah sebulan tinggal di tempat yang serba baru itu.

B Kehidupan serba baru di asrama selama sebulan menyebabkan Ainun belum dapat menyesuaikan diri.

C Ainun masih belum dapat menyesuaikan diri dengan keadaan sekelilingnya yang serba baru walaupun sudah sebulan tinggal di asrama.

D Sebulan tinggal di asrama yang serba baru belum mencukupi untuk Ainun menyesuaikan diri.

24 Patrick gagal mempertahankan kejuaraan yang telah dipegang selama tiga tahun berturut-turut.

- A Tiga tahun berturut-turut Patrick gagal mempertahankan kejuaraan yang dipegangnya.
- B Kejuaraan Patrick selama tiga tahun akan dipertahankan tiga tahun berturut-turut.
- C Selama tiga tahun berturut-turut Patrick memegang kejuaraan tanpa dipertahankannya.
- D Kejuaraan yang dipegang oleh Patrick selama tiga tahun berturut-turut tidak dapat dipertahankannya.

Soalan 25 – 27

Pilih ayat-ayat yang betul.

- 25 I Pemandangan di Kulim indah nian pada waktu malam.
 II Encik Hamidon sangat sayang akan anak-anaknya.
 III Pemain itu yang dikatakan paling handal sekali.
 IV Inilah menara yang tertinggi sekali di Malaysia.

- A I dan II sahaja B III dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja D II, III dan IV sahaja

- 26 I Kelima orang anak Encik Raju berjaya melanjutkan pelajaran ke menara gading.
 II Pihak pengurusan sekolah sedang membincangkan tentang masalah ini.
 III Sepanjang perjalanan, mereka tidak putus-putus berjenaka.
 IV Amboi, cantiknya baju Swee Lan!

- A I dan II sahaja B III dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja D II, III dan IV sahaja

- 27 I Pengemis itu tidur berbantalkan dengan lengan.
 II Pembungkus makanan itu melakukan kerja dalam keadaan yang bersih.
 III Bomoh itu meletakkan kemenyan ke dalam perasap.
 IV Pengembara sesat itu tiba di sebuah perkampungan orang asli.

- A I dan II sahaja B III dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja D II, III dan IV sahaja

Soalan 28 – 30

Pilih peribahasa atau maksud peribahasa yang paling sesuai.

Arang habis besi binasa

28 Peribahasa di atas bermaksud

- A Pekerjaan yang sia-sia.
- B Pemberian yang tidak berfaedah.
- C Memberi pertolongan kepada orang yang memerlukannya.
- D Berusaha untuk mencari ilmu dengan tidak berhenti-henti.

29 Aida amat gembira apabila suaminya menghadiahkan seutas rantai walaupun dia hanya mengharapkan sebentuk cincin sahaja.

Keadaan ini diibaratkan

- A Orang mengantuk disorongkan bantal.
- B Kecil tapak tangan, nyiru ditadahkan.
- C Pucuk dicita ulam mendatang.
- D Pungguk merindukan bulan.

30 Peribahasa yang manakah **TIDAK** membawa maksud orang yang tamak?

- A Yang dikehjara tak dapat, yang dikandung berciciran.
- B Seperti anjing dengan bayang-bayang.
- C Alah membeli menang memakai.
- D Seperti Belanda minta tanah.

@@@@@@@

SET 8

Soalan 1 - 7

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

1 Apabila _____ sahaja peristiwa ngeri itu, Pak Mail akan menangis sendirian.

- | | |
|------------|-------------|
| A termangu | B terngiang |
| C terimbas | D terkenang |

2 Ah Leong akan menyertai pertandingan _____ sotong di Pulau Aman pada minggu hadapan.

- | | |
|-------------|-----------|
| A mencandat | B memukat |
| C memancing | D menyauk |

3 Baginda Sultan _____ untuk menghadiri majlis anugerah cemerlang sekolah itu.

- | | |
|-------------|------------|
| A bersetuju | B berkenan |
| C bersedia | D bersiap |

4 Ibu membeli _____ petai untuk dijadikan ulam makan tengah hari.

- | | |
|-----------|-------------|
| A secekak | B selonggok |
| C seikat | D setangkai |

5 Suasana di rumah Puan Shanti _____ dengan suara cucu-cucunya yang pulang bercuti.

- | | |
|---------------|---------------|
| A riuh-rendah | B kucar-kacir |
| C kelam-kabut | D huru-hara |

6 Puan Mei Lin berasa _____ akan nasib anaknya yang hilang sejak dua hari lepas.

- | | |
|----------|----------|
| A kecewa | B hairan |
| C keliru | D risau |

7 Para penonton yang hadir terhibur _____ persembahan kumpulan nasyid itu.

- | | |
|--------|----------|
| A oleh | B dengan |
| C akan | D atas |

Soalan 8 – 14

Ayat-ayat yang berikut mungkin betul dan mungkin salah. Jika terdapat kesalahan, kesalahan itu telah ditandakan dengan A, B atau C dan jika tiada kesalahan telah ditandakan dengan D.

Pilih jawapan yang paling sesuai.

8 Majalah-majalah yang bertimbun-timbun itu kami baca. Tiada kesalahan.
A B C D

9 Umar seorang ahli sukan yang sangat handal sekali dalam acara melempar cakera.
A B C
Tiada kesalahan.
D

10 Khalid gemar mencampur aduk masalah ditempat kerja dengan masalah peribadinya
A B C
Tiada kesalahan.
D

11 Setelah sedar akan kesilapan mereka, Bee Yun dan Ganesh mengaku salah
A B
lalu saling memaafi. Tiada kesalahan.
C D

12 Pada masa kini, ramai remaja tergil-gila untuk memiliki telefon bimbit kerana harganya yang murah. Tiada kesalahan.
A B C
D

13 Pasukan sukarela itu akan berlepas ke Gaza demi untuk membantu rakyat Palestin.
A B C
Tiada kesalahan.
D

- 14 Akhirnya, Doktor Ammar kembali juga ke tanah airnya setelah bertahun berkhidmat
A B C
di luar negara. Tiada kesalahan.
D

Soalan 15 – 17

Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan berhuruf condong dengan betul.

- 15 I Lalang di belakang rumah telah saya *sabit*.
II Chong akan dihukum penjara jika *sabit* kesalahan.
III Kakinya luka kerana terkena *sabit* yang tajam.
IV “Jangan *sabit* dia dalam pergaduhan antara kita,” kata Gopal.

A I dan II B III dan IV
C I, II dan III D II, III dan IV
- 16 I Pak Hashim *mencucuk* tandan kelapa sawit yang telah masak di kebunnya.
II Perompak itu telah *mencucuk* mangsanya dengan sebilah pisau.
III Sikap Maniam yang suka *mencucuk* rakan-rakannya menyebabkan dia dipulau oleh mereka.
IV Siti Khadijah menggunakan lidi untuk *mencucuk* rojak jambu itu.

A I dan II B III dan IV
C I, II dan III D II, III dan IV
- 17 I Bekas itu *lompong* apabila dibuka oleh Asrul.
II Dengan perasaan *lompong* peminta sedekah itu beredar dari pekarangan rumah orang kaya itu.
III Koceknya *lompong* kerana dia tidak berduit.
IV Pokok itu *lompong* kerana tidak disirami.

A I dan II B III dan IV
C I, II dan III D II, III dan IV

Soalan 18 – 21

Bahagian yang **bergaris** dalam ayat-ayat yang berikut mungkin mengandungi kesalahan bahasa dan mungkin juga tidak. Tandakan sama ada A, B atau C jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan D jika tiada kesalahan.

- 18 Kuih-muih dan makanan yang dijual di Luqman Restoran sangat sedap.

- A Luqman Restoran sedap sekali B Restoran Luqman sangat sedap
C Restoran Luqman tersedap sekali D Luqman Restoran sangat sedap

- 19 Dari pagi hingga ke petang kakak menanti adik di perhentian bas.

- A Dari pagi hingga petang B Daripada pagi hingga ke petang
C Daripada pagi ke petang D Dari pagi hingga ke petang

- 20 Bilik darjah yang kotor ini mesti disapu oleh kamu sebelum pembelajaran bermula.

- A kamu mesti sapu B mesti kamu sapu
C disapu oleh kamu mesti D mesti disapu oleh kamu

21 Rancangan Bersamamu berjaya mempertemukan dua beradik yang terpisah selama sepuluh tahun.

- A menemui dua beradik
C menemukan dua beradik

- B mempertemu dua beradik
D mempertemukan dua beradik

Soalan 22 – 24

Pilih ayat yang mempunyai maksud yang sama atau maksud yang paling hampir dengan ayat yang dicetak tebal.

22 **Peperangan yang terjadi bukan sahaja memusnahkan kedaulatan dan maruah sesebuah negara, malahan jiwa mangsa juga tertekan.**

A Kedaulatan dan maruah sesebuah negara bukan sahaja akan hancur, malahan jiwa rakyatnya tertekan akibat peperangan.

B Peperangan akan menjatuhkan maruah dan kedaulatan negara tersebut, selain jiwa mangsanya yang menderita.

C Faktor utama kejatuhan maruah dan kedaulatan serta penderitaan mental rakyat sesebuah negara ialah peperangan.

D Penderitaan jiwa serta kedaulatan dan maruah negara akan hancur akibat daripada peperangan yang berlaku dalam negara tersebut.

23 **Walaupun Puan Shakin bukanlah orang kaya, namun perbelanjaan pengajian anak-anaknya di universiti akan ditanggungnya sendiri.**

A Puan Shakin akan menanggung sendiri perbelanjaan pengajian anak-anaknya sungguhpun dia bukan orang kaya.

B Puan Shakin dan anak-anaknya akan menanggung sendiri perbelanjaan pengajian mereka di universiti.

C Perbelanjaan pengajian anak-anak Puan Shakin di universiti akan ditanggungnya meskipun dia bukanlah orang kaya.

D Perbelanjaan pengajian anak-anak Puan Shakin di universiti akan ditanggung sendiri olehnya.

24 **Kebanjiran pendatang asing ke Malaysia telah menimbulkan reaksi kurang senang dalam kalangan rakyat tempatan.**

A Rakyat tempatan kurang menyenangi kebanjiran rakyat asing ke Malaysia.

B Rakyat tempatan membangkitkan sikap kurang senang dengan limpahan pendatang asing ke Malaysia.

C Limpahan pendatang asing ke Malaysia kita tidak disukai oleh rakyat tempatan.

D Pendatang asing kurang disenangi kebanjirannya berdasarkan reaksi rakyat tempatan.

Soalan 25 – 27

Pilih ayat-ayat yang betul.

- 25 I Pertandingan drama mendapat sambutan menggalakkan daripada murid-murid.
II Permohonan lawatan sambil belajar ke Kuala Lumpur telah diluluskan pengetua.
III Mereka membersihkan bilik membaca itu pada waktu malam.
IV Rosmadi menjadi ketua kepada pasukan bola sepak sekolahnya.
- A I dan II B III dan IV
C I, II dan III D II, III dan IV
- 26 I Banyak sisa buangan kilang didapati tersorok di dalam gudang lama tersebut.
II Cikgu Maya geram apabila melihat telatah pelajarnya yang mengada-ngada itu.
III Orang ramai berasa sedih dengan tragedi yang memilukan itu.
IV Ibu bapa perlu memainkan peranan penting terhadap kebajikan anak-anak.
- A I dan II B III dan IV
C I, II dan III D II, III dan IV
- 27 I Cikgu Veloo mengajarkan Bahasa Melayu sejak 20 tahun yang lalu.
II Farid belum biasa sampai ke Pulau Pinang.
III Para pelancong terpesona oleh keindahan Taman Laut Pulau Payar .
IV Hayati memberitahu bahawa dia ketakutan bila bersendirian di rumah.
- A I dan II B III dan IV
C I, II dan III D II, III dan IV

Soalan 28 – 30

Pilih peribahasa atau maksud peribahasa yang paling sesuai.

- 28 Walaupun Ah Meng seorang pendiam, namun prestasinya dalam pelajaran amat membanggakan.
Peribahasa yang sesuai untuk kenyataan di atas ialah
- A sehari selembat benang lama-lama menjadi kain.
B sedikit-sedikit lama-lama menjadi bukit.
C kalau tiada angin, masakan pokok bergoyang
D diam-diam ubi berisi, diam-diam penggali berkarat.
- 29 Sikap merendah diri pengurus itu disenangi oleh pekerjanya dan beliau dihormati oleh mereka. Baginya,
- A ikut resmi padi semakin tunduk semakin berisi.
B di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung.
C benih yang baik jatuh ke laut menjadi pulau.
D ular menyusur akar tidak akan hilang bisanya.
- 30 Mak Cik Bedah sedih apabila mendengar berita kematian menantunya.
Keadaan ini dikatakan
- A seperti cacing kepanasan. B bagi dihiris dengan sembilu.
C seperti duduk dalam duri. D sudah jatuh ditimpa tangga.

SET 8

Soalan 1-7

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang **paling sesuai**.

1. Tiada sesiapapun yang rumah pusaka itu sejak datuknya meninggal dunia.
A merapati B mendekati
C mendiami D menghampiri

2. Kamal di sebalik rimbunan buluh untuk mengintip kegiatan penyeludupan beras itu.
A tersengguk-sengguk B terhendap-hendap
C terkocoh-kocoh D tergaruk-garuk

3. Murid-murid Tingkatan Tiga Cerdas menggunakan untuk menyelesaikan soalan Matematik ketika peperiksaan dijalankan.
A jejari B sesiku
C kekunci D dedekak

4. Kami mengharungi Sungai Jelai yang pada musim kemarau untuk pergi ke perkampungan orang asli.
A deras B dalam
C lembap D cangkat

5. Pertandingan memancing ikan yang sepatutnya diadakan pada hujung minggu ini kerana pihak pengajur gagal mencari penaja.
A dihapuskan B dibatalkan
C dihentikan D dilewatkan

6. Farid bermati-matian menyatakan bahawa dia tidak langsung untuk menyakitkan hati ayah dan ibunya.
A terasa B terkata
C teringat D tergamak

7. Peserta ekspedisi itu bertungkus-lumus membina rakit hari sudah senja.
A kerana B lantaran
C walaupun D sementara

Soalan 8 – 14

Ayat-ayat di bawah **mungkin betul** dan **mungkin salah**. Jika terdapat kesalahan, kesalahan itu telah ditandakan dengan **A**, **B** atau **C** dan jika tiada kesalahan telah ditandakan dengan **D**.

8. Walaupun Cikgu Azura berperwatakan lemah lembut, namun dia mempunyai
A B
pendirian yang tetap. Tiada kesalahan.
C D

9. Memorandum persefahaman di antara pihak kerajaan dengan syarikat tenuku yang
A B
terkenal dari New Zealand itu telah ditandatangani semalam. Tiada kesalahan.
C D
10. Rahimi sedar benar yang dia haruslah mengulang kaji pelajaran dengan tekun untuk
A B C
berjaya dalam peperiksaan. Tiada kesalahan.
D
11. Jam tangan yang dihadiah ibu kepada ayah sangat mahal kerana dibeli di luar negara.
A B C
Tiada kesalahan.
D
12. Jika tiada aral, Encik Gan berhasrat untuk memperbesarkan rumah ibunya sebelum
A B
dia berhijrah ke bandar. Tiada kesalahan.
C D
13. Air mata membasahi pipi ibu tatkala mendengar berita tentang kejayaan abang dalam
A B C
peperiksaan Penilaian Menengah Rendah. Tiada kesalahan.
D
14. Wanita yang berbaju kebaya dan berkain songket bersulamkan dengan benang emas
A B
itu ialah emak saudara saya. Tiada kesalahan.
C D

Soalan 15 – 17

Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan berhuruf condong dengan betul.

- 15 I Mereka berjalan *berpaut* tangan semasa mengambil angin di tepi Pantai Santubong.
II Tangan Pak Melan *berpaut* pada kepingan papan perahunya yang karam itu.
III Ikatan persaudaraan antara kedua-dua orang beradik itu *berpaut* kembali selepas terpisah sejak kecil.
IV Perjuangan kemerdekaan itu *berpaut* kepada semangat nasionalisme yang kuat semasa menuntut kemerdekaan negara.
- | | |
|--|---|
| A I dan II sahaja
C I, II, dan III sahaja | B III dan IV sahaja
D II, III, dan IV sahaja |
|--|---|
- 16 I Bukunya yang *hilang* itu telah dijumpai pagi semalam
II Makanan yang disajikan di atas meja telah *hilang* dimakannya.
III Luka di tangan Amin telah *hilang* setelah dibubuh ubat oleh ibunya.
IV Dia melambai-lambaikan tangannya hingga anaknya itu *hilang* dari pandangannya.
- | | |
|--|---|
| A I dan IV sahaja
C I, II, dan III sahaja | B II dan III sahaja
D II, III, dan IV sahaja |
|--|---|

- 17 I Mereka *melewati* beberapa buah pekan sebelum sampai di daerah pedalaman itu.
II Pada setiap bulan, kami sekeluarga akan *melewati* datuk dan nenek di kampung.
III Pekerja yang telah *melewati* usia empat puluhan dinasihat menjalani pemeriksaan doktor.
IV Setelah membaca bab awal novel itu, Jannah *melewati* bab-bab lain kerana ingin mengetahui kesudahan ceritanya.

A I dan IV sahaja
C I, II, dan III sahaja

B II dan III sahaja
D I, III, dan IV sahaja

Soalan 18 – 21

Bahagian yang bergaris dalam ayat-ayat yang berikut mungkin mengandungi kesalahan bahasa dan mungkin juga tidak. Tandakan sama ada A, B atau C jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan D jika tiada kesalahan.

- 18 Ibu menggoreng ayam kami untuk hidangan tengah hari.

A menggorengkan kami ayam
C menggorengkan ayam kami

B menggoreng kami ayam
D menggoreng ayam kami

- 19 Salma menelefon ibunya untuk bertanyakan tentang khabar keluarganya di kampung.

A bertanya tentang perkhabaran
C bertanya perkhabaran

B bertanyakan khabar
D bertanyakan tentang khabar

- 20 Semua murid bukan sahaja berdisiplin tetapi saling membantu antara satu sama lain semasa melakukan aktiviti kemasyarakatan itu.

A juga saling bantu-membantu
C juga saling membantu

B saling membantu-bantu
D saling membantu

- 21 Pihak urus setia pertandingan bola lisut terpaksa menangguhkan perlawanan antara dua pasukan itu selama satu suku jam kerana hujan turun dengan lebat sekali.

A kelamaannya suku jam satu
C lamanya jam satu suku

B selama satu jam suku
D selama satu suku jam

Soalan 22 – 24

Pilih ayat yang mempunyai maksud yang sama atau maksud yang paling hampir dengan ayat yang dicetak tebak

- 22 **Banyak graduan universiti di negara ini menganggur kerana tidak mendapat pekerjaan yang sesuai dengan kelulusan mereka.**

- A Banyak graduan universiti tidak mendapat pekerjaan yang sesuai dengan kelulusan mereka akibat pengangguran di negara ini.
B Banyak pengangguran graduan universiti di negara ini kerana mereka tidak mendapat pekerjaan yang sesuai.
C Akibat tidak mendapat pekerjaan yang sesuai dengan kelulusan, banyak graduan universiti di negara ini menganggur.
D Negara ini banyak mempunyai graduan universiti yang berkelulusan tetapi tidak mendapat pekerjaan yang sesuai.

23 Bengkel yang berlangsung selama dua hari itu dihadiri oleh dua puluh orang guru yang mewakili sekolah masing-masing.

- A Dua puluh orang guru yang mewakili sekolah masing-masing menghadiri bengkel yang diadakan selama dua hari.
- B Dua puluh orang guru diminta mewakili sekolah masing-masing untuk menghadiri bengkel dua hari.
- C Dua puluh orang guru menghadiri bengkel di sekolah masing-masing selama dua hari.
- D Dua puluh orang guru telah mengadakan bengkel dua hari di sekolah masing-masing.

24 Murid yang bijak itu mengambil masa yang singkat untuk memahami pelajaran yang diajar oleh gurunya.

- A Murid pintar itu mudah difahami oleh gurunya yang mengajar dalam tempoh masa yang singkat.
- B Murid yang lemah itu mengambil masa yang lama untuk memahami pelajaran yang disampaikan oleh gurunya.
- C Murid yang pintar itu tidak mengambil masa yang lama untuk memahami pelajaran yang disampaikan oleh gurunya.
- D Murid yang pandai itu mengambil masa yang lama untuk memahami pelajaran yang disampaikan oleh gurunya.

Soalan 25 – 27

Pilih ayat-ayat yang betul.

- 25 I Kanak-kanak yang sedang tendang bola itu adik saya.
II Rumah orang kaya itu kemasukan pencuri malam tadi.
III Majlis perasmian bangunan baharu itu akan beliau rasmikan esok.
IV Akan kuhadapi masalah ini dengan tabah.

- | | |
|-------------------------|-------------------------|
| A I dan II sahaja | B II dan IV sahaja |
| C I, II, dan III sahaja | D I, III, dan IV sahaja |

- 26 I Walaupun sakit, namun dia bersekolah juga hari ini.
II Dia tidak dapat datang bekerja kerana kurang sihat.
III Saya ingin mengetahui sama ada berita itu benar.
IV Daripada dibuang, lebih baik pakaian lama itu diberikan kepada orang memerlukannya.

- | | |
|-------------------------|--------------------------|
| A I dan II sahaja | B II dan IV sahaja |
| C I, III, dan IV sahaja | D II, III, dan IV sahaja |

- 27 I Pepohon di belakang sekolah itu tinggi-tinggi sungguh.
II Kumar sedang berbual-bual dengan Roslan di tepi padang.
III Lauk-pauk yang disajikan itu sungguh enak sekali rasanya
IV Pemain-pemain kedua-dua pasukan itu saling bersalaman selepas tamat perlawanan.

- | | |
|-------------------------|--------------------------|
| A I dan II sahaja | B III dan IV sahaja |
| C I, III, dan IV sahaja | D II, III, dan IV sahaja |

Soalan 28 – 30

Pilih peribahasa atau maksud peribahasa yang paling sesuai.

28. Kebanyakan kerja yang dilakukannya separuh siap walaupun masa yang diberikan kepadanya lebih daripada mencukupi.

Perbuatan dalam situasi di atas dapat dikaitkan dengan peribahasa seperti...

A abu di atas tungkul.

B pahat dengan penukul.

C melepaskan batuk di tangga

D enau dalam belukar, masing-masing melepaskan pucuk.

29 Daim agak pendiam orangnya. Walau bagaimanapun, banyak rakannya terkejut kerana mereka tidak menyangka bahawa dia telah diumumkan sebagai pelajar terbaik peringkat kebangsaan dalam peperiksaan Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3)

Situasi di atas menepati maksud peribahasa ...

A diam ubi berisi, diam besi berkarat

B hendak seribu daya, tak hendak seribu dalih

C baik ikut resmi padi, makin berisi makin tunduk

D orang lain makan nangka, orang lain yang kena getahnya.

30 Ukur baju di badan sendiri

Peribahasa di atas bermaksud ...

A melakukan sesuatu perbuatan hendaklah menggunakan kekuatan sendiri.

B menggunakan akal sebelum melakukan sesuatu pekerjaan.

C melaksanakan tugas berdasarkan kemahiran sendiri.

D membuat sesuatu mengikut kemampuan sendiri.

@@@@@@@

SET 9**Soalan 1- 7**

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawaban yang paling sesuai.

1 "Setelah selesai bersiram nanti, sediakan santapan untuk Sultan Izzuddin," kata bendahara kepada gerau di Istana Seri Kenangan.

- | | |
|-----------|----------|
| A patik | B beta' |
| C baginda | D tuanku |

2 Ibu telinga adik kerana adik tidak mengendahkan larangannya supaya tidak bermain hujan.

- | | |
|------------|------------|
| A memegang | B memiat |
| C mengetil | D mencubit |

3 Pelakuan pendatang asing yang meninjau-ninjau rumah penduduk tempatan pada setiap petang menyebabkan mereka berasa cuak.

- | | |
|--------------|--------------|
| A setengah | B segelintir |
| C sebahagian | D separuh |

4 Puan Aini sekeluarga mengenakan pakaian yang _____ pada pagi hari raya Aidilfitri.

- A sedondon B sepasang
C sepadan D seiras

5 Reka bentuk Menara Telekom yang tersergam indah itu diilhamkan oleh tempatan.

- A jurubina B juruhias
C jruukur o juruteknik

6 Bunyi tembakan yang kedengaran di medan pertempuran antara pihak tentera dengan segerombolan penganas.

- A bersimpang-siur B bersiut-siutan
C bersiung-siungan o berdengung-dengung

7 Amirul muntah-muntah kerana mengalami _____ setelah mengambil ubat yang dibelinya daripada seorang penjual ubat di kaki lima.

- A kebas B ruam
C kekejangan D alahan

Soalan 8·14

Ayat-ayat yang berikut mungkin betul dan mungkin salah. Jika terdapat kesalahan, kesalahan itu telah ditanda dengan A, B atau C dan jika tiada kesalahan telah ditanda dengan D.

Pilih jawaban yang paling sesuai.

8 Anak kambing yang hilang itu akhirnya ditemui terjatuh di dalam sumur di belakang

A B

rumah tuannya. Tiada kesalahan.

C D

9 Pada setiap hari minggu, Encik Malik mengajarkan Matematik Tambahan kepada anak

A B

Encik Wong yang akan menduduki peperiksaan SPM pada tahun ini. Tiada kesalahan.

C D

10 Pendapat yang dikemukakan oleh pemuda itu jauh lebih matang dari usianya yang

A B C

sebenar. Tiada kesalahan.

D

11 Masyarakat Malaysia telah menyedari bahawa internet dapat dijadikan sumber

A B

pendidikan dalam kehidupan. Tiada kesalahan.

C D

12 Apakah saudara akan bertanding dalam pemilihan Ahli Jawatankuasa Kampung

A B

Teberau itu nanti? Tiada kesalahan.

C D

13 Sebagai akibat kejadian banjir baru-baru ini, beratus ayam kepunyaan Pak
A Yaakub telah mati. Tiada kesalahan.
B C D

14 Buah epal yang disimpan di dalam peti sejuk itu sudah lisut dan tidak enak dimakan
A B C lagi. Tiada kesalahan.
D

Soalan 15-17

Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan berhuruf condong dengan betul.

- 15 I Jenama pakaian buatan Jepun itu *pur*; dan berkualiti tinggi.
II *Pur*; yang dibina sejak zaman penjajahan Portugis itu masih wujud hingga sekarang.
III Emak memasukkan setin *pur*; tomato ke dalam masakan nasi daging.
IV Masyarakat yang beragama Hindu di Bali membina *pur*; sebagai tempat pemujaan.

A I dan II sahaja B III dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja D II, III dan IV sahaja

- 16 I Penyanyi tersohor yang bersuara lunak itu menyampaikan lagu sambil *memetik* biola.
II Setiap pagi pekerja di ladang teh akan *memetik* daun-daun teh.
III Doktor Fadzilah Kamsah sering *memetik* kata-kata hikmat tokoh-tokoh terkenal.
IV Pak Hitam bersiul-siul sambil *memetik* jari ketika berkomunikasi dengan burung tekukur kesayangannya.

A I dan II sahaja B III dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja D II, III dan IV sahaja

- 17 I Berita palsu tentang perkahwinan artis itu *tersembul* secara meluas dalam media massa.
II Secara tiba-tiba seladang liar itu *tersembul* dari kawasan semak di pinggir jalan.
III Dia ketawa berdekah-dekah sehingga *tersembul* nasi daripada mulutnya.
IV Disebabkan terlalu marah, matanya *tersembul* keluar sehingga menakutkan kami semua.

A I dan II sahaja B III dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja D II, III dan IV sahaja

Soalan 18 - 21

Bahagian yang bergaris dalam ayat-ayat yang berikut mungkin mempunyai kesalahan dalam penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak.

Tandakan sama ada A, B, atau C jika ayat itumempunyai kesalahan dan tandakan D jika tiada kesalahan.

- 18 Keputusan yang cemerlang telah saya peroleh dalam peperiksaan akhir tahun yang lalu.

A saya telah peroleh B telah diperolehi saya
C telah saya memperolehi D telah saya peroleh

19 Beberapa das-das tembakan telah kedengaran sejak berlaku kekacauan di kawasan itu.

- A Beberapa das tembakan
C Beberapa das tembakan-tembakan

- B Beberapa tembakan
D Beberapa das-das tembakan

20 Sempena ulang tahun perkahwinan, ibu membelikan sebuah buku agama kepada ayah.

- A ibu membeli ayah sebuah buku agama
B ibu membelikan ayah sebuah buku agama
C ibu membeli kepada ayah sebuah buku agama
D ibu membelikan sebuah buku agama kepada ayah.

21 Para peserta sedar benar akan persiapan mereka tidak mencukupi.

- A peserta sedar benar yang persiapan
B peserta sedar benar tentang persiapan
C peserta sedar benar bahawa persiapan
D peserta sedar benar akan persiapan

Soalan 22 -24

*Pilih ayat yang mempunyai maksud yang **sarna** atau maksud yang **paling hampir dengan ayat yang dicetak tebal**.*

22 Perubatan tradisional masih mendapat tempat dalam 'kalangan pengguna walaupun perubatan moden terbukti dapat menyembuhkan pelbagai jenis penyakit.

- A Walaupun perubatan moden terbukti dapat menyembuhkan pelbagai jenis penyakit namun perubatan tradisional masih mendapat tempat.
B Kalangan pengguna masih lagi mempercayai perubatan tradisional walaupun perubatan moden terbukti dapat menyembuhkan penyakit.
C Pelbagai penyakit dapat disembuhkan melalui gabungan rawatan tradisional dengan rawatan moden.
D Walaupun perubatan moden terbukti dapat menyembuhkan pelbagai jenis penyakit, namun perubatan tradisional masih mendapat tempat dalam kalangan pengguna.

23 Hutan paya bakau berfungsi sebagai benteng ombak, mengawal banjir dan penapis bahan pencemaran disamping kaya dengan pelbagai spesies.

- A Hutan paya bakau juga bertugas sebagai benteng ombak, mengawal banjir dan penapis bahan pencemaran selain banyak haiwan yang menjadi penghuni hutan bakau.
B Banyak spesies yang terdapat dalam hutan paya bakau selain tugasnya . sebagai mengawal ombak, penapis bahan tercemar dan mengawal banjir.
C Mengawal banjir, penghalang bahan tercemar, menghalang ombak dan kaya dengan spesies haiwan merupakan keistimewaan hutan paya bakau.
D Selain terdapat pelbagai spesies, hutan paya bakau juga menjadi banteng kepada ombak, penapis bahan buangan dan menghalang kejadian banjir.

24 "Pastikan kamu akur akan segala peraturan sepanjang perkhemahan ini berlangsung," kata guru penasihat pasukan Kadet Polis kepada peserta-peserta.

- A Guru penasihat pasukan Kadet Polis mengingatkan para peserta supaya akur akan semua peraturan sepanjang perkhemahan itu dijalankan.
- B Sepanjang perkhemahan, para peserta diberikan amaran agar mematuhi semua peraturan yang ditentukan oleh guru penasihat pasukan Kadet Polis.
- C Segala peraturan sepanjang perkhemahan hendaklah dipatuhi oleh para peserta yang diketuai oleh guru penasihat pasukan Kadet Polis.
- D Peserta-peserta dikehendaki oleh guru penasihat pasukan Kadet Polis untuk menuruti peraturan yang terdapat dalam perkhemahan itu.

Soalan 25-27

Pilih ayat-ayat yang betul.

- 25 I Anak-anak muda dinasihati agar tidak bergelandangan di kompleks beli belah.
II Beliau mahu supaya jawatan itu dipegang oleh orang yang layak.
III Wanita itu harus dapat menyelesaikan permasalahan yang rumit itu.
IV Geguli yang dibawa oleh adik jatuh berhamburan apabila plastiknya bocor.

A I dan II sahaja	B . III dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja	D II, III dan IV sahaja

- 27 I Pelumba-pelumba Grand Prix itu saling potong-memotong untuk memenangi perlumbaan.
II Turut hadir memeriahkan majlis perasmian program SARANA ialah Menteri Pendidikan Malaysia.
III Pak Usu mengetepikan keretanya untuk memberikan laluan kepada ambulans yang membunyikan siren.
IV Tarian asli masyarakat Bidayuh dipersembahkan oleh mereka untuk tontonan delegasi dari Australia.

A I dan II sahaja	B III dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja	D II, III dan IV sahaja

- 28 I Tidak tertanggung oleh saya masalah yang membenggu fikiran saya selama ini.
II Akhirnya Amin berjaya menjakkan kaki di menara gading.
III Mereka akan bercuti ke Pulau Redang atau Pulau Perhentian?
IV "Siapa yang berminat untuk menyertai lawatan ke Kelantan, sila daftarkan nama dalam borang yang disediakan," kata guru kaunseling.

A I dan II sahaja	B III dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja	D 11,111 dan IV sahaja

Soalan 28 • 30

Pilih peribahasa atau maksud peribahasa yang paling sesuai.

Bagai kacang lupakan kulit

28 Pengajaran yang diperoleh daripada maksud peribahasa di atas ialah

- A kita perlu sentiasa menghormati orang yang lebih tua daripada kita.
- B kita perlu mengenang budi seseorang yang telah banyak berjasa kepada kita.
- C kita perlu mengikis sikap menyombong diri agar disenangi oleh semua orang.
- D kita perlu mengubah nasib kita kerana hanya kita yang mampu mengubahkannya.

29 Peribahasa *yang dikehjarn tak dapat, yang dikendung berciciran* mempunyai maksud yang sarna ataupun hampir sarna dengan

- A harapkan guruh di langit, air di tempayan dicurahkan.
- B tak tumbuh tak melata, tak sungguh orang tak kata.
- C untung sabut timbul, untung batu tenggelam.
- D ayam terlepas, tangan berbau tahi.

Soalan 30 berdasarkan dialog di bawah.

Wartawan:	Saya ingin bertanya, apakah rahsia kejayaan cemerlang saudara dalam peperiksaan baru-baru ini?
Naim :	Sebelum ini saya pernah gagal dalam beberapa ujian tetapi saya terus mencuba untuk membaiaki pencapaian saya. Saya menganggap kegagalan itu sebagai dorongan untuk saya berusaha dengan lebih tekun.

30 Dialog di atas sesuai dengan peribahasa

- A sudah terhantuk baru tengadah.
- B sudah jatuh ditimpa tangga.
- C hendak seribu daya, tak hendak seribu dalih.
- D sehari selembat benang, lama-lama menjadi kain.

@@@@@@@ @@@@ @@@@ @@@@ @@@@ @@@@ @@@@ @@@@ @@@@ @@@@ @@@@ @@@@ @@@@ @@@@ @@@@

SET 10

Soalan 1-7

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang **paling sesuai**.

Soalan 1 berdasarkan gambar di bawah.



- 1 Abang _____ di atas katil setelah kepenatan bekerja seharian.
- A tertiarap B tersandar
C terbaring D terduduk
2. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ialah _____ tertinggi Angkatan Tentera Malaysia.
- A pentadbir B pemerintah
C pemimpin D penguasa
- 3 Ain kagum akan kemahiran pekerja di Restoran Maulana itu roti canaiL
- A membuat B menggaul
C menebarkan D membentangkan
- 4 Kepetahan pembahas dalam pertandingan debat _____isu alam sekitar telah menarik perhatian panel hakim.
- A tentang B terhadap
C dengan D akan
- 5 Pokok jambu yang ditanam oleh Pak Yazid di kebunnya _____kerana kekurangan baja.
- A terkecil B terbantut
C tersekat D terpendek
- 6 " _____ musuh datang menyerang, kita akan lawan habis-habisan," kata Sarjan Hasan kepada anak buahnya.
- A Kendatipun B Sementara
C Setelah D Tatkala
- 7 Ahli arkeologi menemukan fosil haiwan prasejarah _____ berhampiran gua itu.
di bawah tanah
- A tertindan B terbenam
C tertimbus D tertindih

Soalan 8 -14

Ayat-ayat yang berikut mungkin betul dan mungkin salah. Jika terdapat kesalahan, kesalahan itu telah ditandakan dengan A, B atau C dan jika tiada kesalahan telah ditandakan dengan D.

Pilih jawapan yang paling sesuai.

- 8 Sifat kemelayuan Amilia begitu menonjol meskipun dibesarkan di luar negara kerana

A B

dia dididik dengan nilai ketimur-timuran. Tiada kesalahan.

C D

- 9 Amran sedang hendak ke bandar ketika kami sampai di rumahnya semalam.

A B C

Tiada kesalahan.

D

- 10 Kadangkala Puan Salmah membekal anaknya ayam goreng sebagai alas perut di

A B C

sekolah. Tiada kesalahan.

D

- 11 Di pusat tuisyen itu Ahmad bukan hendak belajar, tetapi hendak bermain sahaja dengan

A B C

kawannya. Tiada kesalahan.

D

- 12 Tukang jahit itu memperkecilkan ukuran baju Amirul sesuai dengan susuk tubuhnya

A B

yang semakin langsing. Tiada kesalahan.

C D

- 13 Pasukan Hoki Malaysia kembali mengekalkan kedudukan teratas selepas mengalahkan

A B

pasukan Pakistan dalam kejohanan hoki pada malam tadi. Tiada kesalahan.

C D

- 14 Taklimat dalam persidangan Parlimen baru-baru ini berkaitan cara mengekang rasuah

A B C

Tiada kesalahan.

D.

Soalan 15 - 17

Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan berhuruf condong dengan betul.

- 15 I Rantai basikal adik sudah berkarat kerana terbiar begitu lama di belakang rumah.

II Jarak di antara rumah Didi dengan sekolahnya lebih kurang lima rantai.

III Kelahiran Aina menjadi rantai kasih sayang ahli keluarganya.

IV Petani itu menyangkut bajunya pada rantai pokok.

A I dan II sahaja

B III dan IV sahaja

C I, II dan III sahaja

D II, III dan IV sahaja

- 16 I Bajunya menjadi *jernih* selepas direndam dengan serbuk pencuci itu.
 II Suasana politik yang *jernih* dapat memacu ekonomi sesebuah negara.
 III Hati yang *jernih* akan terpancar melalui tingkah laku yang bersopan.
 IV Air tapisan itu bukan sahaja *jernih* malah menyegarkan tekak.
- A I dan II sahaja B III dan IV sahaja
 C I, II dan III sahaja D II, III dan IV sahaja
- 17 I Jika musuh hendak *melakukan* tanah alir, rakyat mesti mempertahankannya bersatu
 II Perangai Maisarah yang suka *melakukan* kawan-kawannya menyebabkan dia dibenci oleh orang ramai
 III Puan Sofia memarahi anaknya kerana *melakukan* pinggan di atas meja makan sehingga pinggan itu pecah.
 IV Pemuda itu *melakukan* keretanya ke tembok untuk mengelak terlanggar lembu yang melintas jalan.
- A I dan II sahaja B III dan IV sahaja
 C I, II dan III sahaja D II, III dan IV sahaja

Soalan 18 - 21

Bahagian yang bergeris dalam ayat-ayat yang berikut mungkin mengandungi kesalahan bahasa dan mungkin juga tidak
Tandakan sarna ada A, B atau C jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan D jika tiada kesalahan.

- 18 Pegawai Daerah itu sedang berucap di hadapan segelintir orang penduduk kampung yang rata-ratanya terdiri daripada golongan miskin.
- A segelintir penduduk-penduduk kampung B segelintir penduduk kampung
 C segelintir penduduk kampung-kampung D segelintir orang penduduk kampung
- 19 Aktiviti melukis memang menjadi kegemaran saya sejak daripada zaman kanak-kanak lagi.
- A kegemaran saya sejak dari B kegemaran saya semenjak dari
 C kegemaran saya sejak D kegemaran saya sejak daripada
- 20 Majalah usahawan melaporkan bahawa fabrik batik pembuatan Malaysia telah diterima di pasaran antarabangsa.
- A fabrik batik buatan Malaysia B fabrik batik dibuat Malaysia
 C fabrik batik diperbuat Malaysia D fabrik batik pembuatan Malaysia
- 21 Atlet dari Kenya sangat pantas berlari menuju ke garisan penamat dalam acara maraton.
- A sangat lancar berlari B terlalu gagah berlari
 C cergas sekali berlari D sangat pantas berlari

Soalan 22 - 24

Pilih ayat yang mempunyai maksud yang sarna atau yang paling hampir dengan ayat yang dicetak tebal.

22 "Tolong letakkan buku-buku ini di atas almari itu," kata Cikgu Azhar kepada Ravi.

- A Cikgu Azhar diminta menolong Ravi meletakkan buku-buku itu di atas almarinya.
- B Ravi diminta oleh Cikgu Azhar untuk meletakkan buku-buku itu di atas almari.
- C Cikgu Azhar diminta oleh Ravi untuk menolong meletakkan buku-buku itu di atas almari.
- D Ravi diarahkan oleh Cikgu Azhar untuk menyusun buku-buku itu di atas almari.

23 Raja Hassan menitahkan beberapa orang pembesar merninang Puteri Bunga Bakawali untuk anakanda baginda.

- A Beberapa orang pembesar dititahkan oleh Raja Hassan meminang Puteri Bunga Bakawali untuk anakanda baginda.
- B Beberapa orang pembesar dititahkan oleh Puteri Bunga Bakawali untuk meminang anakanda Raja Hassan.
- C Raja Hassan menitahkan anakanda baginda meminang Puteri Bunga Bakawali untuk beberapa orang pembesar.
- D Raja Hassan menitahkan Puteri Bunga Bakawali meminang anak pembesar untuk anakanda baginda.

24 Salah satu objektif penubuhan MERCY adalah untuk menyediakan bantuan perubatan serta-merta kepada mangsa kecemasan akibat bencana alam dan peperangan.

- A Mewujudkan pertolongan ubat-ubatan dan rawatan merupakan salah satu matlamat serta-merta MERCY ditubuhkan.
- B Bantuan perubatan disediakan oleh MERCY kepada mangsa-mangsa peperangan dan bencana alam secara mendadak.
- C Menyediakan bantuan perubatan serta-merta kepada mangsa kecemasan akibat bencana dan peperangan ialah salah satu tujuan penubuhan MERCY.
- D MERCY ditubuhkan adalah untuk menghantar bantuan perubatan secara terus kepada mangsa kecemasan akibat fenomena alam.

Soalan 25 - 27

Pilih ayat-ayat yang betul.

- 25 I Pembantu rumahnya membawa untuk saya secawan kopi.
 II Oleh kerana terlalu tamak akan harta Pak Zakuan mudah lupa diri.
 III Pesta filem yang dianjurkan FINAS bam-bam ini agak harnbar.
 IV Watak antagonis yang berkelubung putih itu berjaya menakutkan penonton.

- A I dan II sahaja
C I, II dan III sahaja

- B III dan IV sahaja
D II, III dan IV sahaja

- 26 I Ibu saya paling pandai sekali menjahit baju kebaya nyonya.
 II Generasi pasca merdeka disaran supaya banyak membaca bahan ilmiah.
 III Kami mengekhaskan kawasan lapang ini untuk projek ternakan ikan air tawar.
 IV Borang kemasukan ke IPTA boleh dimuat turun melalui laman sesawang Kementerian Pengajian Tinggi.
- | | |
|------------------------|-------------------------|
| A. I dan II sahaja | B III dan IV sahaja |
| C I, II dan III sahaja | D II, III dan IV sahaja |
- 27 I Mereka sangat taksub dan amat berbangga dengan keturunan mereka.
 II Semua pembeli rumah di Taman Bayu kena tipu oleh pemaju perumahan itu.
 III Kerajaan berjaya menangani kemelut ekonomi yang melanda negara dengan cekap.
 IV Klinik 1 Malaysia menawarkan perkhidmatan kesihatan kepada masyarakat di seluruh negara.
- | | |
|------------------------|-------------------------|
| A I dan II sahaja | B III dan IV sahaja |
| C I, II dan III sahaja | D II, III dan IV sahaja |

Soalan 28 - 30

Pilih peribahasa atau maksud peribahasa yang paling sesuai.

- 28 Tiada sesiapa pun menyangka Imran yang pendiam dapat mengemukakan idea yang bernalas dalam mesyuarat di pejabatnya.
 Peribahasa yang sesuai dengan situasi di atas ialah
- air beriak tanda tak dalam.
 - air tenang jangan disangka tiada buaya.
 - seperti harimau menyembunyikan kuku.
 - seperti tikus membaiki labu.
29. Seni silat Melayu masih lagi dipersembahkan dalam majlis-majlis keramaian sebagai tanda menghargai warisan dan budaya bangsa.

Pernyataan di atas sesuai dengan peribahasa

- zaman beralih musim bertukar.
- biar mati anak jangan mati adat.
- hidup dikandung adat mati dikandung tanah.
- tidak lapuk dek hujan tidak lekang dek panas.

30 Peribahasa **kaduk naik junjung bermaksud**

- orang yang hina apabila mendapat pangkat bersikap mengada-mengada.
- orang yang miskin apabila mendapat kekayaan lupa asal-usulnya.
- orang yang susah apabila mendapat kemewahan menjadi bongkak.
- orang yang daif apabila mendapat kesenangan akan mudah lupa diri.